

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Pelajar PTPL dekati golongan kurang bernasib baik
23. Mar 2009
Berita Harian
Supplement
192917
1521000

Language **MALAY**
Page No **8**
Article Size **370 cm2**
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **7862.48**



PELAJAR yang mengikuti Program Ceria Si Manja siri keenam.

Pelajar PTPL dekati golongan kurang bernasib baik

Program khidmat masyarakat Ceria Si Manja bantu bentuk ketrampilan

PUSAT Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL) Shah Alam melalui Unit Pembangunan Pelajar (UPP) baru-baru ini menganjurkan program berbentuk khidmat masyarakat iaitu Ceria Si Manja bertempat di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM).

Penganjuran program tahunan ini adalah yang keenam serta lanjutan kepada pendedahan yang diterima pelajar melalui program akademik serta kokurikulum yang menjadi tunggak kepada pembentukan graduan berketrampilan oleh Kolej PTPL.

Program itu juga adalah salah satu daripada aktiviti yang dirancang MSU untuk memperkasakan tahap 'soft-skills' pelajar yang terbabit. Beberapa aktiviti utama yang disusun melalui lawatan ini mencerminkan tanggungjawab sosial PTPL sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang prihatin.

Aktiviti kali ini mensasarkan kepada kumpulan kanak-kanak yang sedang mengikuti rawatan akibat pelbagai penyakit. Seramai 40 pelajar daripada pelbagai bi-

dang pengajian terbabit dalam lawatan kali ini.

Rombongan pelajar telah dibawa ke bilik permainan khas. Di situ pelajar beramah mesra dengan kanak-kanak yang menghidap pelbagai penyakit seperti leukemia, tonsil dan barah otak.

Selain itu, mereka turut melawat setiap wad kanak-kanak yang ada di HUKM. Pelajar juga berkesempatan melawat pesakit di wad kronik yang menempatkan pesakit leukemia dan HIV positif.

Melalui aktiviti seperti ini secara tidak langsung dapat meringankan beban selain

menghibur kanak-kanak yang terbabit. Sepanjang lawatan, rombongan pelajar diiringi Nurziana selaku pegawai perhubungan awam, HUKM.

Pada akhir program, pihak pengurusan Kolej PTPL menyumbang pelbagai cenderahati kepada mereka.

Sebagai sebuah kolej pilihan, Kumpulan Kolej PTPL menawarkan program pengajian peringkat sijil dan diploma dalam bidang Sains Kesihatan, Sains Maklumat, Hospitaliti, Seni Kulineri, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, Reka Bentuk Grafik dan Pengajian Profesional.

Kumpulan Kolej PTPL kini mempunyai 10 cawangan di seluruh Negara dengan bilangan pelajar lebih 17,000 orang.

Pelajar lepasan SPM/SPMV yang berminat mendapatkan maklumat awal berhubung program ditawarkan dan tarikh kemasukan dengan menghubungi 03 5513 6688 atau SMS dengan menaip INFOPTPL <jarak> nama <jarak> e-mel dan hantar ke 013-2433677/017-399 3034 atau 016-630 8966. Pelajar juga boleh melayari www.ptpl.edu.my

FAKTA NOMBOR

10
cawangan
Kumpulan Kolej PTPL

17,000
orang
Bilangan pelajar menuntut di Kolej PTPL